

PM: Jangan ulangi keruntuhan kerajaan Islam

KUANTAN 2 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam di negara ini jangan mengulangi keruntuhan kerajaan Islam di Sepanyol dan ketewasan tentera Islam di tangan tentera Quraish yang berpunca daripada perpecahan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menyeru umat Islam mempertingkatkan perpaduan ummah dan bekerja keras demi kemajuan agama, bangsa dan negara.

Katanya, rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam perlu berusaha mempertingkatkan perpaduan dan muhibah kerana sejarah telah membuktikan bahawa perpaduan adalah kunci kejayaan dan kemajuan.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap menutup Ujian Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan di sini malam tadi.

"Sejarah Islam bermula dengan perpaduan. Kejayaan umat Islam di zaman Rasulullah S.A.W. adalah kerana umat Islam pada masa itu bersatu - padu."

"Mereka bersatu di atas panji tauhid dan bersatu me-

nentang kekufuran masyarakat Arab Quraish pada ketika itu," katanya.

Sebaliknya, beliau menegaskan sejarah juga telah menunjukkan bagaimana tentera Islam tewas di tangan tentera Quraisy di dalam Peperangan Uhud, akibat perpecahan di kalangan tentera Islam.

Katanya, perpecahan itu berlaku kerana ada segelintir tentera Islam yang tamak dan mengutamakan kepentingan peribadi hingga sanggup mengenyahkan arahan Rasulullah.

Menurut Perdana Menteri, Islam juga berkembang di Sepanyol apabila orang Islam yang datang dari luar dan tempatan bersatu - padu.

"Walau bagaimanapun, pemerintahan Islam di Sepanyol akhirnya hancur apabila orang Islam berpecah - belah, mula mengutamakan sentimen keturunan yang berasal dari luar Sepanyol dan tempatan,"

katanya.

Kata Perdana Menteri, ramai tokoh Islam dapat mendalami bidang ilmu masing - masing di zaman kecemerlangan Islam termasuk di Baghdad, Mesir, Sepanyol dan negara - negara Arab yang lain.

"Tidak ada sesiapa yang akan tertarik dengan agama suku - suku kaum yang kolot yang tidak pernah berjaya," tegasnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad juga mengingatkan bahawa apabila orang - orang Islam tidak lagi maju, perkembangan Islam itu sendiri terhenti sehingga di beberapa negara kemerosotan syiar Islam telah menyebabkan ada yang meninggalkan Islam.

Bagaimanapun, katanya, di negara ini, kerajaan telah menyusun berbagai rancangan untuk memantapkan lagi perpaduan antara umat Islam.

Antaranya, katanya ialah

melalui rancangan - rancangan takmir masjid dan penyusunan semua pentadbiran masjid di seluruh negara.

"Masjid akan dijadikan

LIHAT MUKA 2

Jangan ulangi keruntuhan kerajaan Islam

tempat untuk menjalin kasih sayang, hormat - menghormati, tolong - menolong di kalangan orang Islam dan bukannya tempat pertelingkahan dan bertikam - lidah di antara satu dengan lain," tegasnya.

Mengenai pembangunan yang giat dilaksanakan oleh kerajaan, beliau menegaskan bahawa ia akan diseimbangkan antara kerohanian dan material.

"Kita tidak mahu sekiranya negara kita maju tetapi penduduknya tidak mempunyai nilai hidup yang tinggi dan hidup lepas bebas tanpa beradaban.

"Sebaliknya kita juga tidak mahu hanya nilai hidup dan peradaban yang tinggi tetapi negara dan rakyat mundur dan miskin sehingga menghinakan agama kita," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga meminta umat Islam negara ini jangan leka dan membuang masa membincangkan sesuatu yang tidak bermanfaat termasuk perkara - perkara sampingan (furu') yang telah selesai diputuskan oleh ulama Islam.

Sebaliknya, beliau menyeru supaya masa yang ada dipenuhi dengan kegiatan - kegiatan yang boleh memajukan diri, masyarakat dan negara.

Beliau yang berpuashati dengan perkembangan dakwah di negara ini memberitahu

bahawa kerajaan akan terus memberikan perhatian sewajarnya khususnya dalam bidang yang berkaitan dengan perpaduan ummah.

"Badan - badan dakwah telah berusaha mengembangkan syiar Islam di seluruh pelosok

negara, tetapi di celah - celah perkembangan ini, ada pula sekumpulan pendakwah yang suka menimbulkan furu' yang telah diputuskan oleh ulama Islam, sama ada daripada aspek hukum ataupun iktiqad," katanya.